

Headline	Jejak Warisan 2 di KL bersifat mesra pelancong OKU		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	18	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	221 cm ²
Journalist	LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR	AdValue	RM 1,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,765



Jejak Warisan 2 di KL bersifat mesra pelancong OKU

LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

KUALA LUMPUR - *Heritage Trail Route 2* atau Jejak Warisan 2 melibatkan laluan sepanjang 1.5 kilometer di sini bakal menjadi tarikan pelancongan mesra orang kelainan upaya (OKU) apabila siap Ogos ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Phesal Talib berkata, untuk itu, pihaknya akan menumpukan usaha bagi mewujudkan laluan pejalan kaki yang lebih mesra OKU serta menepati piawaian antarabangsa.

“Ada kawasan yang didapati paras antara jalan dan bangunan berdekatan menyulitkan pergerakan OKU, justeru kita akan semak semula siapa pemiliknya (bangunan) untuk memudahkan perancangan DBKL sebelum meneruskan projek itu.

“Kita juga tidak mahu laluan

pejalan kaki di Brickfields yang mempunyai tiang elektrik menghalang kelicinan perjalanan OKU,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau bersama wakil pertubuhan bukan kerajaan mengadakan tinjauan di sepanjang laluan berkenaan.

Heritage Trail Route 2 merupakan laluan pejalan kaki yang bermula dari Jalan Melaka dan melalui Jalan Gereja, Jalan Raja Chulan dan Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas.

Kerja-kerja pembinaan yang bermula pada 16 Januari lalu melibatkan kos RM5 juta di bawah projek *Greater Kuala Lumpur-Klang Valley* itu akan mewujudkan tiga zon konsep bagi rangkaian laluan tersebut iaitu

Zon Warisan Melayu, Zon Hutan Bandar dan Zon Hutan Simpan.

Dalam pada itu, Ahmad Phesal berkata, pihaknya juga akan menanam semula beberapa batang pokok matang di sepanjang laluan berkenaan.

“Kita kini sedang menjalin kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia bagi menentukan jenis pokok yang sesuai.

“Pokok sedia ada itu nanti pula akan digantikan dengan pokok teduhan yang bersifat biodiversiti dan tahan penyakit untuk kebaikan pengunjung,” ujarnya.

Menurut beliau, usaha penanaman pokok-pokok berkenaan diharap akan meningkatkan kawasan hijau dalam Kuala Lumpur sebanyak 30 peratus berbanding 28 peratus sahaja pada masa sekarang.



AHMAD PHESAL (dua dari kanan) meninjau salah satu pelan projek Jejak Warisan 2 di Kuala Lumpur semalam.